

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	SINAR HARIAN		
TARIKH	3/12/2019	MUKA SURAT	31
JABATAN	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	PERHATIAN		

# Populasi hidupan liar berkurangan

**SAM gesa kerajaan Perak tingkat jumlah keluasan hutan perlindungan**

SAIFULLAH AHMAD

IPOH

**S**ahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa kerajaan Perak meningkatkan jumlah keluasan hutan perlindungan bagi memastikan populasi hidupan liar di negeri ini tidak berkurang dan pupus.

Penyelidik Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata,

bilangan populasi hidupan liar di negeri ini membimbangkan sedangkan Perak masih mempunyai keluasan kawasan berhutan melebihi 1 juta hektar berbanding keluasan tanah kira-kira 2.1 juta hektar.

Menurutnya, faktor utama populasi hidupan liar di negeri ini semakin berkurangan disebabkan kemusnahan habitat dan kawasan kelarian selain isu pemburuan haram.

"Langkah meluaskan kawasan hutan perlindungan tersebut boleh dilaksanakan melalui Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Penakatan) 1985 di samping mewartakan kawasan-kawasan tertentu yang dikenal pasti di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negeri 2001. "Pihak berkuasa negeri

juga perlu mewartakan pengkelasan hutan mengikut Seksyen 10(f), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Penakatan) 1985 iaitu sebagai hutan perlindungan hidupan liar di Hutan Simpan Parit dan sebahagian Hutan Simpan Kledang Saiong kerana hanya kedua-dua kawasan hutan simpan tersebut mempunyai habitat siamang (Symphalangus syndactylus) di Perak," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga kecewa dengan tindakan pihak berkuasa negeri pada tahun 2014 yang memansuhkan keseluruhan Rizab Hidupan Liar Chior yang merupakan Rizab Hidupan Liar pertama ditubuhkan di Malaysia.



Dalam pada itu, katanya, sekurang-kurangnya tiga spesies hidupan liar di negeri ini telah pupus akibat kemusnahan habitat iaitu badak raya (rhinoceros sondaicus), badak sumatera (dicerohinus sumatensis) dan babi jakut (sus barbatus).

Menurutnya, berdasarkan rekod dan dokumentasi, taburan serta

**Bilangan populasi hidupan liar di negeri ini membina kawasan Perak mempunyai keluasan kawasan berhutan melebihi 1 juta hektar.**

-Meor Razak

habitat ketiga-tiga spesies tersebut kebanyakannya terdapat di daerah Hilir Perak kecuali badak sumatera yang juga terdapat di daerah lain.

Beliau berkata, habitat ketiga-tiga spesies tersebut merupakan kawasan hutan pamah terutama kawasan berhutan besar mun sebahagian besar kawasan itu telah dimusnahkan dan ditebus guna.

Sebelum ini, dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, kerajaan negeri menerusi

Perbadanan Taman Negeri Perak menjalankan kerjasama erat dengan komuniti orang asli suku Jahai bagi membantulas pem-buru haram terutama terhadap spesies Harimau Malaya.

Exco Pendidikan, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dr Abdul Aziz Bari berkata, kerjasama itu termasuklah mewujudkan unit rondaan komuniti dengan menumpukan kawasan Royal Belum dan Temenggor sebagai lokasi operasi utama.